



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN MASYARAKAT BUGIS DI
KAMPUNG IBOI, SADONG JAYA KOTA SAMARAHAN, SARAWAK**

Nurfarhanah Binti Sarbini

(32305)

Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)
2014

**ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN MASYARAKAT BUGIS DI KAMPUNG IBOI,
SADONG JAYA KOTA SAMARAHAN, SARAWAK**

NURFARHANAH BINTI SARBINI
(32305)

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2014

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the20.....day of.....JUNE.....2014.

Student's Declaration:

I NURFARHANAH BINTI SARBINI, 32305, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the work entitled ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN MASYARAKAT BUGIS DI KAMPUNG IBOI, KOTA SAMARAHAN, SARAWAK is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

20 JUNE 2014 Date submitted

Nurfarhanah Binti Sarbini (32305) Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I Dr. Anna Durin (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the work entitled ADAT PERKAHWINAN MASYARAKAT BUGIS DI KAMPUNG IBOI, KOTA SAMARAHAN, SARAWAK (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment of BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT) (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: Dr. Anna Durin (Name of the supervisor)

Date: 20 JUNE 2014

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
- OPEN ACCESS**

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____
(20 June 2014)

Supervisor signature: _____
(20 June 2014)

Current Address:

Kampung Iboi, Sadong Jaya, 94300 Kota Samarahan, Sarawak

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurniaNya kerana dapat menyiapkan tugas ini dengan jayanya dan memberikan kesihatan yang baik sepanjang melaksanakan tugas ini.

Di kesempatan ini, saya mengucapkan terima kasih kepada pensyarah saya iaitu Dr Anna Durin selaku penyelia saya yang telah banyak memberi tunjuk ajar serta penerangan sejak daripada awal tugas sehinggalah dalam proses menyiapkan tugas ini.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada informen yang ditemu bual iaitu Abdul Kadir Bin Nohong, Efolangi Bt Pelanchoi, Melok Bt Daing Pateka dan penduduk kampung Iboi kerana banyak membantu saya dalam mendapatkan maklumat mengenai kajian ini.

Tidak lupa juga, insan yang penting iaitu ibu bapa saya yang banyak membantu saya tidak kira dari segi masa dan kewangan serta memberi sokongan dan dorongan sepanjang tempoh menyiapkan tugas ini. Akhir sekali, jutaan terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama membantu secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyiapkan tugas saya hingga selesai.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ini merupakan sebuah kajian mengenai Adat Istiadat perkahwinan masyarakat Bugis di Sarawak. Antara objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini adalah untuk mengkaji sistem pengurusan sebelum, semasa dan selepas majlis perkahwinan tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu menerusi temu bual, pemerhatian dan pendokumentasian. Tujuan kajian ini amat penting bagi masyarakat untuk lebih memahami mengenai adat istiadat perkahwinan masyarakat Bugis. Hasil dapatan kajian ini adalah untuk pemeliharaan adat dan istiadat perkahwinan masyarakat Bugis yang menjadi warisan sejak dahulu lagi.

ABSTRACT

This research is about the wedding ceremony in Bugis society Sarawak. One of the objectives of this research were to investigate the management system before, during and after the wedding ceremony. This research using qualitative methods through interviews, observations and documentation . The purpose of this research is very important for people to understand about wedding customs of Bugis society. The result of this research is to preservation of marriage customs and ceremonies of the Bugis community heritage since time immemorial.

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
PENGHARGAAN.....	I
ABSTRAK.....	II
ABSTRACT.....	III
BAB1:- PENDAHULUAN	
Pengenalan.....	1-2
Latar Belakang Kajian.....	3
Hipotesis.....	4
Permasalahan Kajian.....	5
Objektif Kajian.....	6
Soalan Kajian.....	7
Lokasi Kajian.....	8
Kerangka Kajian.....	9-15
Kepentingan Kajian.....	16
Skop Kajian.....	17
Rumusan.....	18

BAB 2:- SOROTAN KESUSASTERAAN

Pengenalan.....	19
Maksud Adat Istiadat Perkahwinan.....	19-20
Tempoh Masa Majlis Perkahwinan.....	21-22
Perubahan Adat.....	22-24
Kepercayaan Dan Budaya.....	24-25
Semasa Hari Perkahwinan.....	26-27
Selepas Majlis Perkahwinan.....	28-29
Rumusan.....	30

BAB 3:- METODOLOGI KAJIAN

Pengenalan.....	31
Pemerhatian.....	31-32
Temu Bual.....	32
Dokumentasian.....	33
Rumusan.....	34

BAB 4 :- DAPATAN KAJIAN

Pendahuluan.....	35
Asal Usul Orang Bugis.....	36-37
Adat Istiadat Perkahwinan	
Adat Mabbalawo Cellek (Merisik).....	38
Adat Madduta (Melamar).....	39
Adat Maddio Rio (Adat Bersuka Ria).....	40

Adat Mallempa (Adat Jemputan Berganda).....	41
Adat Madduppa (Adat Menjemput).....	41
Adat Bersanding.....	42-43
Adat Tepung Tawar.....	44
Adat Makan Nasi Temuan.....	45-46
Adat Tudang Pangadereng..... (Adat Duduk Istiadat)	47
Adat Mappatinro Botting..... (Adat Menidurkan Pengantin)	48
Adat Mapparola (Adat Penyerahan).....	49
Kepercayaan Dan Pantang Larang.....	50
Bahan-Bahan Yang Digunakan Untuk kepercayaan.....	51
Pengurusan Majlis Perkahwinan	
Kepimpinan.....	52
Sumber Manusia.....	53-54
Fungsi Majlis Perkahwinan.....	55
Sebelum Majlis Perkawinan	
Sumber Kewangan.....	56-58
Perancangan.....	59-60
Jemputan Tetamu	61
Peralatan.....	62-63
Pengurusan Dapur.....	64-65
Dekorasi.....	66-67
Juru Andam Dan Juru Gambar.....	68-69

Semasa Majlis Perkahwinan

Layanan Tetamu.....	70
Urusan Makanan.....	71-73
Konsep Pakaian.....	74-76
Majlis Khatamal Al-Quran.....	77-78
Kumpulan Zikir.....	79-80
Kumpulan Kompang.....	81
Kumpulan Bergendang.....	82

Selepas Majlis Perkahwinan

Bergotong Royong.....	83
Doa Selamat	84

BAB 5 :- KESIMPULAN

Kesimpulan.....	85-86
Cadangan Untuk Sekolah Dan Institusi.....	86-87
Untuk Muzium.....	87
Untuk Dijadikan Bahan Rujukan.....	88
Untuk Disiarkan Dalam Surat Khabar.....	88-89
Cadangan Untuk Pengkaji Akan Datang.....	89-90
Rujukan.....	91-92
Lampiran.....	93-94

SENARAI GAMBAR

Gambar 1: Ibu pihak lelaki menyarungkan cincin kepada pihak perempuan.....	39
Gambar 2: Adat persandingan masyarakat Bugis pada zaman dahulu.....	43
Gambar 3: Adat persandingan masyarakat Bugis pada zaman kini.....	43
Gambar 4: Adat tepung tawar yang dilakukan oleh ayah pengantin perempuan.....	44
Gambar 5.1(a) dan (b): Antara makanan yang dihidangkan semasa adat makan nasi temuan.....	46
Gambar 5.2(a) dan (b): Pengantin lelaki dan perempuan saling menyuap makanan yang dihidangkan.....	46
Gambar 6: Antara bahan yang digunakan untuk membuang peraja.....	51
Gambar 7: Bahan-bahan yang digunakan untuk menepung tawar.....	51
Gambar 8: Contoh kanopi, meja dan kerusi yang digunakan semasa majlis perkahwinan berlangsung.....	63
Gambar 9: Peralatan muzik yang digunakan semasa majlis perkahwinan....	63
Gambar 10: Dekorasi pelamin.....	67
Gambar 11: Dekorasi bilik tidur pengantin.....	67
Gambar 12 (a), (b), (c) dan (d): Juru andam memandikan pengantin dengan mandi bunga selepas itu pengantin akan disolek.....	69
Gambar 13: Juru gambar ditugaskan untuk mengambil gambar.....	69
Gambar 14.1 (a), (b), (c) dan (d): Antara makanan bagi masyarakat Bugis dalam majlis perkahwinan.....	73
Gambar 14.2: Makanan yang diletakkan di dalam dulang.....	73

Gambar 15.1: Pakaian pengantin perempuan dalam majlis “berlulut”.....	76
Gambar 15.2: Pakaian pengantin dalam majlis persandingan.....	76
Gambar 16.1: Pengantin perempuan dikelilingi orang yang mengajarnya dari segi bacaan.....	78
Gambar 16.2: Pengantin perempuan bersama-sama saudara semasa majlis khatamal Al-Quran.....	78
Gambar 17.1: Kumpulan zikir beramai-ramai berzikir di rumah pengantin..	80
Gambar 17.2: Kumpulan zikir yang terdiri daripada golongan wanita.....	80
Gambar 18: Kumpulan Kompang bermain kompang semasa pengantin bersanding.....	81
Gambar 19: Kumpulan yang terdiri daripada bermain viola dan bergendang.....	82
Gambar 20: Tetamu dihidangkan kuih-muih semasa majlis doa selamat.....	84

BAB 1

Pengenalan

Kajian ini adalah berfokus kepada adat istiadat perkahwinan masyarakat Bugis di Kampung Iboi, Sadong Jaya, Kota Samarahan, Sarawak. Perkara yang dikaji ialah sistem pengurusan adat istiadat. Masyarakat Bugis terkenal dengan kepelbagaian adat dan budaya terutamanya dalam adat perkahwinan. Setiap masyarakat mempunyai adat-adat tersendiri yang diamalkan begitu juga dengan masyarakat Bugis yang mempunyai adat tradisi yang tersendiri. Walaupun generasi muda kini kurang mengetahui dan mengamalkan adat dan budaya mereka tetapi adat tersebut tetap utuh dalam kalangan generasi lama.

Adat dan istiadat merupakan adat tradisional yang masih diamalkan dalam perkahwinan bagi masyarakat Bugis tetapi kurang diamalkan terutamanya bagi generasi muda walau bagaimanapun adat tersebut tetap tidak hilang ditelan zaman. Dalam kajian ini, penyelidik akan mengkaji adat dan istiadat tersebut sebelum, semasa dan selepas acara perkahwinan tersebut berlangsung. Terdapat pengurus yang akan mengendalikan acara tersebut iaitu orang yang penting untuk bertanggungjawab dalam semua perkara yang melibatkan persediaan sama ada sebelum mahupun selesai acara perkahwinan tersebut. Orang yang bertanggungjawab tersebut ialah daripada generasi lama yang sudah arif dan pakar terutamanya apabila perkahwinan yang melibatkan dan mengamalkan adat tradisional.

Terdapat beberapa perkara yang diambil kira dalam kajian ini yang melibatkan persediaan untuk acara perkahwinan tersebut. Perkara tersebut

termasuklah dari segi kewangan yang diperlukan, peralatan yang akan digunakan, susun atur barangan, undangan orang ramai dan juga keperluan-keperluan yang lain. Perkara-perkara tersebut merupakan perkara yang utama dalam memastikan kelancaran acara perkahwinan tersebut berlangsung.

Kesimpulannya, kajian-kajian tersebut mengkaji persediaan acara tersebut yang melibatkan sebelum, semasa dan selepas acara perkahwinan tersebut berlangsung. Selain itu, merangkumi juga adat dan istiadat yang diamalkan bagi masyarakat tersebut dalam acara perkahwinan itu.

Latar Belakang Kajian

Masyarakat Bugis dengan adat istiadat adalah sebuah simbol kebudayaan yang unik dan selalu memancing keingintahuan kita tentang sesebuah masyarakat. Adat istiadat adalah sesuatu yang menarik untuk dipelajari dan untuk diapresiasi. Adat memiliki makna yang sangat dalam, merupakan sebuah falsafah kehidupan. Salah Salah adat istiadat suku Bugis ialah adat perkahwinan. Dalam adat perkahwinan masyarakat Bugis mempunyai beberapa tahap. Tahap yang pertama yang harus dilakukan adalah merisik. Terdapat beberapa proses dalam adat istiadat perkahwinan ini yang perlu dilalui sehingga proses yang terakhir iaitu dalam adat penyerahan.

Tambahan pula, adat istiadat ini mempunyai cara yang tersendiri yang dijalankan semasa majlis perkahwinan tersebut berlangsung. Hal ini membolehkan adat istiadat ini diperkenalkan sekali gus difahami oleh masyarakat yang lain. Walaupun terdapat juga perubahan-perubahan adat istiadat yang dilakukan tetapi adat ini perlu dikekalkan sehingga kini kerana adat ini menjadi adat tradisi yang menjadi lambang warisan bangsa Melayu sejak dahulu lagi. Dengan melihat sedikit sebanyak tentang adat istiadat perkahwinan masyarakat Bugis tersebut, dapat disimpulkan bahawa masyarakat Bugis ini mempunyai budaya untuk difahami. Adat ini perlu dikekalkan untuk generasi akan datang agar mereka dapat mengetahui pelbagai budaya dan masyarakat.

Hipotesis

Kajian ini mendapati bahawa masih terdapat adat dan istiadat yang dijalankan bagi masyarakat Bugis. Adat istiadat perkahwinan ini merupakan salah satu tradisi bagi masyarakat Bugis sejak daripada dahulu lagi. Selain itu, pengurusan bagi perkahwinan itu merangkumi persediaan sebelum, semasa dan selepas acara perkahwinan tersebut berlangsung. Selain itu, beberapa perkara yang penting yang menjadi peranan utama dalam acara perkahwinan itu. Hal tersebut termasuk dari segi kewangan, peralatan yang diperlukan semasa majlis perkahwinan tersebut berlangsung dan juga keperluan asas seperti barang-barangan yang amat diperlukan bagi memastikan kelancaran perkahwinan tersebut berlangsung.

Tuntasnya, kajian ini merangkumi dua perkara yang penting iaitu adat istiadat dalam perkahwinan masyarakat Bugis dan sistem pengurusan sebelum, semasa dan selepas majlis perkahwinan tersebut berlangsung.

Permasalahan Kajian

Masyarakat Bugis kini masih mengamalkan adat dan istiadat dalam perkahwinan. Hal ini bertujuan supaya dapat dikekalkan dan tidak dilupakan oleh generasi pada masa akan datang. Dalam kajian ini merangkumi juga pengurusan majlis perkahwinan tersebut sama ada sebelum, semasa dan selepas majlis tersebut berlansung. Tambahan pula terdapat beberapa persiapan yang perlu dilakukan sama ada sebelum, semasa mahupun selepas majlis perkahwinan tersebut. Isu kajian ini ialah berkaitan dengan adat dan istiadat yang telah diamalkan dan diterapkan dalam majlis perkawinan ini bagi masyarakat bugis.

Objektif Kajian

1. Untuk mengenalpasti adat istiadat dan budaya dalam perkahwinan.

Adat istiadat dalam sesebuah perkahwinan masyarakat bugis seperti adat merisik, meminang, bersanding, penyerahan dan sebagainya

2. Untuk mengkaji sistem pengurusan sebelum, semasa dan selepas majlis perkahwinan.

Sistem pengurusan sebelum majlis perkahwinan ialah daripada segi perancangan, sumber kewangan. Pengurusan semasa pula ialah dari segi makanan, pakaian manakala antara contoh pengurusan selepas majlis perkahwinan ialah amalan gotong royong.

Soalan Kajian

Kajian ini memerlukan beberapa soalan yang boleh membantu dalam menyelesaikan isu kajian dan dalam membantu menyelesaikan masalah kajian.

Antara contoh soalan kajian ialah :-

1. Apakah yang dimaksudkan dengan adat dan istiadat?
2. Siapakah yang mengamalkan adat dan istiadat tersebut?
3. Di manakah tempat majlis perkahwinan tersebut berlansung?
4. Bilakah masyarakat tersebut mengamalkan adat dan istiadat tersebut?
5. Kenapa adat dan istiadat penting dalam majlis perkahwinan?
6. Bagaimanakah cara menjalankan adat dan istiadat dalam majlis perkahwinan tersebut?

Lokasi Kajian

Lokasi yang ingin dikaji dalam kajian ini ialah di Kampung Iboi, Sadong Jaya, Kota Samarahan, Sarawak. Pengkaji memilih tempat tersebut sebagai tempat kajian kerana tempat tersebut menjadi tempat yang kebanyakannya menjadi tempat kediaman bagi masyarakat bugis yang mempunyai adat dan tradisi. Masyarakat bugis sememangnya mempunyai adat tradisonal mereka tersendiri dalam pelbagai majlis yang diadakan terutamanya majlis perkahwinan.

Pengkaji akan menemu ramah penduduk dalam kalangan masyarakat bugis kerana mereka lebih mengetahui dan mempunyai pengalaman dalam isu kajian yang ingin dikaji ini. Tambahan pula beberapa penduduk di situ juga mempunyai peranan yang penting dan mempunyai tugas dalam majlis perkahwinan tersebut. Oleh itu, mereka akan lebih memahami dan mengetahui mengenai objek yang dikaji ini. Perkara yang ingin dikaji ialah berkaitan dengan cara adat dan istiadat tradisional yang diamalkan dan dilaksanakan oleh masyarakat tersebut dalam majlis perkahwinan. Selain itu, kajian ini termasuk juga sistem pengurusan sebelum, semasa dan selepas majlis perkahwinan tersebut berlangsung.

Kerangka Kajian

Kerangka kerja yang digunakan dalam kajian ini ialah konseptual teoritikal yang diambil daripada pendapat pengkaji masa lampau. Konsep teori tersebut ialah berkaitan dengan pengurusan kerana pengurusan ini adalah tentang pengurusan adat dan istiadat perkahwinan masyarakat Bugis di Kampung Iboi, Kota Samarahan. Oleh yang demikian konsep yang dipilih adalah sangat sesuai digunakan sebagai panduan untuk membantu dalam penyelesaian permasalahan kajian dan seterusnya membantu mencapai objektif-objektif kajian ini. Beberapa perkara mengenai pengurusan yang berkaitan dengan kajian ini akan dibincangkan dibawah ini seperti pengurusan perancangan, pengurusan, fungsi sesuatu organisasi/institusi.

Pengurusan

Melalui buku-buku yang dikaji iaitu, buku Pengantar pengurusan oleh Aizzat Mohd. Nasaruddin, Intan Osman, dan Zainal Ariffin Ahmad pada tahun 2006 yang menyatakan maksud pengurusan. Secara am, pengurusan merujuk kepada proses pencapaian matlamat organisasi mengikut cara yang berkesan dan cekap.

Dalam buku pengurusan oleh John Naylor pada tahun 1999 pula menyatakan maksud pengurusan ialah proses daripada mencapai objekif organisasi, perubahan persekitaran, keberkesanan, sumber, dan bekerjasama dengan orang lain.

Dalam buku *Essentials of management* pula oleh Andrew J. DuBrin pada tahun 1990 mentakrifkan maksud pengurusan sebagai sebahagian praktikal yang merangkumi keberkesanan, mencapai sasaran dan kumpulan yang produktif. Pengurusan dalam buku tersebut turut menjelaskan proses organisasi dalam mencapai objektif organisasi melalui fungsi daripada perancangan dan keputusan yang dibuat, pengurus dan juga pengawalan sesebuah organisasi.

Ada tiga tingkatan takrif yang boleh difahami daripada istilah pengurusan dalam buku *Pengurusan dan Pentdbiran* oleh Syed Othman Alhabshi dan Hamiza Ibrahim pada tahun 1998 iaitu yang pertama ialah Pengurusan membawa maksud pengurus atau pekerja sesebuah organisasi yang bertanggungjawab untuk mengatur atau merancang urusan organisasi dalam lingkungan polisi dan kehendak organisasi atau institusi perniagaan pekerja tersebut. Kedua ialah pengurusan sesebuah syarikat berhad dianggotai oleh lembaga pengarah. Ahli lembaga pengarah pula dianggotai oleh ahli yang mempunyai jawatan eksekutif dalam syarikat tersebut serta ahli bukan eksekutif. Ahli lembaga pengarah yang mempunyai jawatan eksekutif seperti ketua pengarah atau ketua eksekutif bertanggungjawab bersama ahli lembaga pengarah yang bukan eksekutif untuk merancang dan mengatur segala falsafah dan polisi syarikat.

Di samping itu, ahli lembaga pengarah eksekutif juga perlu mengurus operasi harian syarikat yang dikendalikannya melalui pengurus tertentu yang telah dilantik dengan tugas dan tanggungjawab yang tertentu dan yang ketiga ialah pengurusan juga boleh ditafsirkan sebagai aktiviti mengurus dan tugas untuk mencapai objektif yang telah ditentukan.

Fungsi

Melalui buku-buku yang dikaji iaitu, buku Pengantar pengurusan oleh Azzat Mohd. Nasaruddin, Intan Osman, dan Zainal Ariffin Ahmad pada tahun 2006 yang menyatakan fungsi pengurusan. Fungsi keempat-empat ini adalah penting dalam pengurusan kerana menentukan keberhasilan sesebuah organisasi mahupun acara. Secara khusus, pengurus merupakan individu yang membuat perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan pengawalan ke atas sumber-sumber manusia, kewangan, fizikal dan matlamat organisasi. Secara khusus, pengurus merupakan individu yang membuat perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan pengawalan ke atas sumber-sumber manusia, kewangan, fizikal dan matlamat organisasi.

Dalam buku Pengurusan dan Pentadbiran oleh Syed Othman Alhabshi dan Hamiza Ibrahim pada tahun 1998 yang menjelaskan tentang ciri atau fungsi pengurusan. Ciri atau fungsi pengurusan itu ialah pertamanya, pengurusan yang mantap mestilah mempunyai wawasan yang jauh dan mampu melihat hambatan dan peluang untuk berjaya dalam rangka dunia yang sentiasa berubah. Kedua, pengurus perlu mengadakan perancangan jangkamasa panjang yang menggariskan halacara operasi sesebuah organisasi, menyusun pekerjaanya untuk menjalankan tugas dengan cekap, mengagih, mengawal, merangsang motivasi dan tugas kepada semua pekerja di bawahnya agar objektif dan matlamat organisasi boleh dicapai.